

SK Seri Sekinchan bina laman herba secara NBOS

SEKOLAH Kebangsaan (SK) Seri Sekinchan kini memiliki Laman Herba dan Pertanian Bandaran yang dibangunkan menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan MARDI Serdang di bawah program Penghayatan Alam dan Budaya di sekolah itu di Sekinchan, Selangor, baru-baru ini.

Guru Besar SK Seri Sekinchan, Faeizah Talib berkata, laman herba yang terbahagi tiga kategori iaitu herba ubatan, herba ulaman atau masakan dan herba terapeutik itu untuk tujuan pameran dan pendidikan.

"Hal ini kerana murid masa kini tidak mengenali tumbuhan herba yang selalu digunakan untuk masakan atau perubatan kerana lebih gemar bermain gadget pada masa lapang," katanya.

Laman herba itu mengandungi tanaman mas cotek, adas manis, tongkat ali, misai kucing, belalai gajah, temu ireng, hempedu bumi, kaduk, mahkota dewa, setawar, senduduk bulu, cekur dan kunyit.

Idea menghasilkan projek itu dicetuskan oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Azlizam Muhamad yang ingin mewujudkan laman herba bagi memanfaatkan ruang tanah yang sedia

ada di sekitar sekolah.

Menurut Azlizam, penglibatan UCTC UPM adalah dari segi pembinaan awal laman herba, penanaman, sistem pengairan dan reka bentuk laman manakala MARDI Serdang pula menyumbangkan pelbagai jenis anak benih pokok herba serta perkongsian ilmu yang berkaitan.

"Pembinaan laman ini secara bersama oleh seluruh warga sekolah dan pihak UCTC UPM mengambil masa dua bulan termasuk melengkapinya dengan sistem pengairan dan bakul pengkomposan bagi menghasilkan baja organik secara semula jadi," jelasnya.



WARGA SK Seri Sekinchan bersama Pegawai UCTC UPM berpadu tenaga membangunkan laman herba di sekolah itu di Sekinchan, Selangor, baru-baru ini.